

Tiada kekosongan untuk wakil PPP

BH -- 2 JAN 2000

Oleh ZULKOFI JAMALUDIN

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata wakil Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) akan dilantik ke dalam kerajaan selepas dilantik sebagai ahli Dewan Negara.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata setakat ini, tidak ada kekosongan untuk melantik senator kerana semua ahli sudah diwakili parti komponen.

"Saya harap pemimpin dan ahli PPP tidak kecewa kerana sehingga kini tidak ada bukti kepimpinan BN menghargai sumbangan mereka berikutan keadaan tidak mengizinkan. Harap bersabar, jika ada kekosongan, kita akan tunai janji kepada PPP," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis rumah terbuka dan berbuka puasa PPP tahun 2000 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWT) di sini malam tadi. Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Presiden PPP, Datuk M Kayveas.

Dr Mahathir yang mengucap tahniah kepada PPP kerana terbabit secara aktif dalam pilihan raya umum lalu berkata, penyertaan semua parti komponen dalam kerajaan penting bagi membuktikan peranan dapat dilaksana-

kan bersama.

Perdana Menteri, perjuangan ahli dalam parti komponen bukan untuk mendapat tempat di dalam kerajaan, tetapi bekerja kuat menjayakan perjuangan parti dan negara.

"Kita tidak harus memikirkan tempat itu sebagai balasan kepada kita. Tempat yang kita dapati itu, supaya kita dapat menyumbang secara langsung kepada kejayaan parti.

"Perjuangan kita bukan apa yang kita dapati untuk diri kita, tetapi apa yang terjadi kepada negara dan bangsa.

"Kalau kita terpilih membentuk kerajaan dan kerajaan itu berjaya membangun dan memperkayakan negara serta memberi peluang kepada rakyat mendapat pendapatan semakin tinggi dan negara kita lebih dihormati dunia, itu sebenarnya balasan kepada perjuangan kita," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, apabila ahli parti memikirkan berapa banyak wang yang akan diperoleh, mereka hanya mementingkan diri sendiri dan gagal membangunkan negara.

Beliau berkata, Malaysia kini dikenali dunia kerana berjaya mengatasi kemelesetan ekonomi dan berjaya menganjurkan pertandingan Formula Satu dan Sukan Komanwel 1988.

Malah, katanya, Malaysia yang mempunyai

iklim tropika, berjaya menghantar rakyatnya mendaki Gunung Everest dan terjun di Kutub Utara kerana rakyat bersama-sama berusaha mengangkat martabat negara.

Dalam ucapan itu, Perdana Menteri mengingatkan ahli supaya tidak merosakkan keutuhan BN kerana dalam pilihan raya lalu, didapati ada parti komponen sanggup berusaha menyalahkan calon BN sendiri.

"Dalam pilihan raya lalu, ada calon BN kalah atau mendapat majoriti kecil kerana ada orang kecewa kerana mereka tidak dipilih menjadi calon dan lebih mengutamakan diri.

"Mereka tidak beri kerjasama untuk jayakan kemenangan BN dan ada ketikanya bertindak secara negatif bagi memastikan calon BN kalah," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita, Dr Mahathir berkata, rakyat perlu bekerja keras, berdisiplin dan dedikasi untuk membangunkan negara pada alaf baru.

"Kita pasti berjaya mencapai objektif negara maju dan kita perlu bekerja keras dari sekarang.

"Sebahagian pencapaian itu sudah mencapai taraf negara maju seperti Kuala Lumpur di mana pendapatan (seorang) penduduk lebih AS\$20,000 (RM76,000 setahun) tetapi kita mahu seluruh negara mencapainya," katanya.